



Selamat Datang  
Ke Laman Portal  
Universiti Putra Malaysia

UTAMA | FAKTA & ANGKA | MEDIA | DIREKTORI KAKITANGAN | LOKASI | PETA LAMAN | SOALAN LAZIM | HUBUNGI KAMI

CARI



Rabu, April 08, 2015

MENGENAI KAMI | PENYELIDIKAN | AKADEMIK | JARINGAN | ANTARABANGSA | KEHIDUPAN KAMPUS | PERKHIDMATAN

● | A- | A | A+ | EN | RU | AR

**BERITA »**

## UPM dan One FM anjur program 'one FM Go Green Campaign' sempena Earth Hour

Oleh Noor Eszereen Juferi  
Foto Mohd Hasrul Hamdan



**SERDANG, 28 Mac** – Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan kerjasama One FM Radio Sdn Bhd (oneFM) menganjurkan aktiviti menanam 500 pokok buah-buahan di sekitar Dusun Contoh UPM sempena program 'one FM Go Green Campaign' dalam menyokong sambutan Earth Hour 2015 di sini.

Antara pokok buah-buahan jenis nadir ditanam ialah buah rambutan, buah ciku dan buah tampoi.

Ketua Jenama dan Promosi Rangkaian Radio Media Prima Berhad, Fara Aida Dahlan berkata pengajuran program itu bertujuan untuk memupuk kesedaran masyarakat memastikan alam sekitar terpelihara.

"Ini merupakan antara aktiviti tanggungjawab sosial korporat (CSR) dalam memberi perhatian kepada isu alam sekitar yang kian meruncing pada masa kini.



"Pada awalnya kami menjalankan promosi dengan menghebahkan program ini di siaran radio one FM dan mengambil masa hampir dua minggu untuk membuat pemilihan serta mengumpulkan sukarelawan yang mendaftar secara online," katanya.

Tambah beliau, UPM menjadi pilihan utama dalam menjalankan program ini kerana UPM mempunyai fasiliti lengkap dalam menjalani program tersebut dan sejajar dengan hasrat universiti yang mementingkan aktiviti hijau di kampus.



"Ini merupakan permulaan kolaborasi yang baik antara pihak Media Prima Radio Networks dan UPM kami berharap dapat bekerjasama lagi dengan UPM dengan aktiviti-aktiviti CSR yang lain," katanya.

One FM merupakan stesen radio berbahasa Cina di bawah Rangkaian Radio Media Prima yang mula bersiaran pada Januari 2009.

Turut hadir dalam program tersebut Naib Canselor UPM, Prof. Dato' Dr. Mohd Fauzi Ramlan, DJ one FM iaitu Nicholas, Yin Yin, Angelina, Wayne, William, Kian serta artis 8TV Bernard, Wind Natalie, Dennis dan penyanyi duo Fuying & Sam.

Sementara itu, pelajar tahun pertama Fakulti Veterinar, UPM Banumathy Gunasegaran, 20 berkata program ini memberi pendedahan baharu kepada beliau yang baru pertama kali mengikuti aktiviti sebegini.



"Saya gembira dapat menyertai aktiviti ini kerana memberi pengetahuan kepada saya mengenai cara penanaman pokok dengan betul dan berharap program seperti ini akan berterusan di UPM," katanya. – UPM